



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

K/BP/DS10/791/441/6 (s.k. 1/2009)(3)

19 Mei 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**Semakan Kadar Elaun Basikal Di Bawah Pekeliling Perbendaharaan
Bil. 3 Tahun 2003 Dan Pewujudan Elaun Motosikal**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Perbendaharaan telah bersetuju supaya kadar tuntutan Elaun Basikal di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dinaikkan dan seterusnya mewujudkan Elaun Motosikal berdasarkan kadar dan syarat seperti berikut:

- i. kadar Elaun Basikal di perenggan 4.10.1(a), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dinaikkan kepada RM90 sebulan dan syarat semasa lain dikekalkan;
- ii. Elaun Motosikal diwujudkan dengan kadar dan syarat seperti berikut:
 - a. pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi 12 hari atau lebih dalam sebulan boleh menuntut Elaun Motosikal sebanyak RM120 sebulan atau menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut mana yang lebih tinggi; dan
 - b. pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi kurang daripada 12 hari hendaklah membuat tuntutan mengikut kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang sedang berkuat kuasa.

3. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2009**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan